

23 OCT, 2019

## 25 majikan sertai Karnival Kerjaya

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



**MENDAFTAR...** Kaunter pendaftar untuk peserta masuk sebelum ditemu duga.

**PENERANGAN....**  
Para pencari kerja mendapatkan penerangan daripada para jawatankuasa pengjurur karnival.

# 25 majikan sertai Karnival Kerjaya

.....  
ELLIE EDWARD

**BINTULU:** Sebanyak 25 majikan di sektor swasta menyertai program Karnival Kerjaya semalam dengan sebanyak 646 kekosongan jawatan yang ditawarkan bagi pelbagai jawatan dalam pelbagai sektor dan industri.

Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Awang Raduan Awang Omar berkata, ia melibatkan 234 kekosongan daripada jumlah keseluruhan tersebut merupakan kekosongan untuk calon siswazah manakala sebanyak 412 kekosongan pula adalah jawatan bagi kategori calon bukan siswazah.

"Difahamkan antara jenis

kekosongan jawatan ditarawakan bagi calon siswazah pada program adalah terdiri daripada jawatan Pengurus Sumber Manusia, Eksekutif Kewangan, Jurutera Elektrik, Graphic Designer dan Optometrist," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Program Karnival Kerjaya JobMalaysia@ Bintulu 2.0 anjuran Jaba-

tan Tenaga Kerja Sarawak, Kementerian Sumber Manusia di Dewan Suarah Bintulu, semalam.

Penganjuran program karnival kerjaya tersebut adalah bersemepna dengan Program Karnival Kerjaya JobsMalaysia 2.0 yang diadakan di seluruh Malaysia.

Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program selain daripada aktiviti temu duga terbuka iaitu aktiviti pendaftaran pencari kerja secara dalam talian di portal JobsMalaysia, ceramah kerjaya dan khidmat nasihat perburuhan.

"Program ini bukan hanya melibatkan penyertaan majikan dari Sarawak malah turut melibatkan penyertaan majikan dari Semenanjung



**MENGISI BORANG...** Antara suasana yang sempat dirakam semasa peserta sedang mengisi borang untuk mendapatkan kerja.

Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, turut diadakan pameran daripada agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia turut diadakan sepanjang berlangsungnya program pada semalam termasuk Pertubuhan Kese-

lamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) dan Advanced Technology Training Center (ADTEC) Bintulu.



**MENUNGGU GILIRAN...** Peserta hadir untuk menunggu giliran ditemu duga.



23 OCT, 2019

## 25 majikan sertai Karnival Kerjaya

---



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MENDAFTAR... Kaunter pendaftar untuk peserta masuk sebelum ditemu duga. PENERANGAN.... Para pencari kerja mendapatkan penerangan daripada para jawatankuasa penganjur karnival.

..... ELLIE EDWARD BINTULU: Sebanyak 25 majikan di sektor swasta menyertai program Karnival Kerjaya semalam dengan sebanyak 646 kekosongan jawatan yang ditawarkan bagi pelbagai jawatan dalam pelbagai sektor dan industri.